



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS MEDIA

JPA AKAN KEMUKA CADANGAN KEPADA PIHAK MKN

Susulan daripada beberapa kenyataan berhubung tindakan yang boleh diambil terhadap penjawat awam yang enggan mengambil vaksin, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berpandangan beberapa langkah boleh diambil oleh kementerian atau jabatan masing-masing berdasarkan peraturan semasa yang sedia ada bagi memastikan penjawat awam secara keseluruhannya dapat mengambil vaksin.

Sehingga kini, jumlah peratusan penjawat awam yang mengambil vaksin ini telah mencapai hampir 98 peratus berbanding kelompok mereka yang belum mengambil vaksin adalah kecil. Namun perkara ini perlu diberikan keutamaan bagi memberikan keyakinan dan jaminan untuk orang ramai datang berurusan dengan penjawat awam di premis kerajaan di samping usaha mengembalikan perkhidmatan kerajaan pada tahap pengoperasian penuh berdasarkan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

JPA akan membawa beberapa pilihan tindakan dan pendekatan yang boleh diambil kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk diputuskan

termasuk cadangan arahan mewajibkan semua penjawat awam mengambil vaksin kecuali bagi mereka yang benar-benar mempunyai alasan yang kukuh untuk mendapatkan pengecualian penerimaan vaksin atas faktor kesihatan.

Secara dasarnya, semua penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Justeru, semua penjawat awam perlulah mematuhi peraturan sedia ada termasuk dalam urusan kehadiran bertugas di pejabat apabila mereka diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan.

Kita hendaklah melindungi diri kita sebelum kita mahu melindungi orang lain. #lindungdiri,lindungsemua!

Jabatan Perkhidmatan Awam

21 September 2021

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tel : 03 - 8885 3096 / 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (10)